

YWP sumbang RM18,000

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) meraikan seramai 60 orang ibu yang melahirkan bayi di Hospital Tunku Azizah (Wanita Dan Kanak-Kanak), Kuala Lumpur sempena Hari Wilayah Persekutuan.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif YWP, **Dr Abdul Basir V Kunhimohamed**, bantuan sebanyak RM18,000 yang diagihkan dalam bentuk hamper dan kewangan itu bagi menyambut Hari Wilayah Persekutuan 2025 yang jatuh pada 1 Februari lalu.

“Selain golongan ibu, bantuan turut disampaikan kepada pesakit kanak-kanak yang memerlukan bantuan. Gimik penyerahan telah diadakan di Bilik Seminar Wad 7B bersama tiga pasangan ibu dan bayi diikuti lawatan dan penyerahan sumbangan di Wad Pediatrik 10D.

“Penghargaan khas diberikan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pihak Hospital Tunku Azizah (Wanita Dan Kanak-Kanak) atas kerjasama erat memastikan kelancaran majlis dan mengagihkan bantuan kepada penerima yang layak.

“Terima kasih juga diucapkan kepada kakitangan perubatan yang sentiasa memberikan penjagaan kesihatan yang terbaik selain sokongan moral kepada pesakit wanita dan kanak-kanak yang ada,” katanya.

Hadir sama Ahli Lembaga Pelawat Hospital Kuala Lumpur yang juga merupakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, Mohd Mustafa Ghazanfar.

Tambah beliau, sejak ditubuhkan pada tahun 1986, YWP kekal istiqamah dan komited dalam melaksanakan pelbagai program kebajikan dan pendidikan untuk seluruh warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang memerlukan.

“Melangkah ke tahun 2025, YWP terus memperkukuh kerjasama strategik dengan pelbagai agensi kerajaan, syarikat swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan individu yang prihatin dalam memastikan lebih ramai orang yang dapat kita bantu pada masa akan datang,” katanya dalam kenyataan.

Dalam perkembangan lain, YWP turut menyerahkan bantuan sebanyak RM36,000 kepada 120 orang warga emas, asnaf, orang kurang upaya (OKU) dan para pejuang pendidikan yang uzur dan ditimpa masalah kelangsungan hidup serta memerlukan bantuan kecemasan dalam Majlis Tahlil dan Doa Selamat Sempena Ulang Tahun ke-11 Alumni Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Kebangsaan bertempat di Masjid Negara, Kuala Lumpur. 🇲🇾



SEKITAR sumbangan yang diadakan di HKL baru-baru ini.